

08/06/1999

Isu Clob dibincang berasingan: Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan isu Central Limit Order Book (Clob) adalah isu berasingan yang tidak akan dibincangkan dalam pakej perundingan dua hala Malaysia-Singapura.

"Kita bersetuju Clob adalah isu berasingan. Hanya masalah bekalan air ke Singapura dan isu kereta api saja dibincangkan dalam pakej itu.

"Saya tidak melihat mengapa kita bertanggungjawab terhadap isu ini," katanya sambil menambah kerajaan tidak pernah terbabit menubuhkan Clob dan tidak bertanggungjawab terhadapnya sekarang.

Dr Mahathir mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, yang mahu isu Clob tidak ditinggalkan dalam pakej rundingan kedua-dua negara.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Islam, di sini.

Bursa Saham Singapura (SES) sebelum ini meminta Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bersama-sama menyelesaikan masalah saham Clob selepas mendapati tawaran sekumpulan pelabur swasta Malaysia untuk membeli saham itu baru-baru ini tidak memadai.

Penyelesaian isu itu dijangka membuka saluran rasmi kepada pelabur Singapura untuk melabur semula secara besar-besaran ke dalam BSKL selepas menyepi berikutan dagangan saham Malaysia di Clob dibekukan.

Sebelum ini, ramai pelabur di republik itu berdagang secara tidak rasmi menerusi Clob yang diwujudkan oleh SES untuk membeli dan menjual saham Malaysia tanpa berurusan dengan BSKL.

Ditanya apakah benar Malaysia memberitahu Singapura untuk mencari sumber air lain selepas perjanjian pembelian air tamat pada 2060, Perdana Menteri:

"Kita tidak meminta demikian. Sebaliknya, kita sedang berunding dengan mereka dan kita bersedia terus membekalkan air kepada Singapura," katanya.

Mengikut perjanjian bekalan air ke Singapura, Johor menjual air mentah kepada Singapura dengan harga tiga sen bagi setiap 4,540 liter dan membeli semula air yang sudah diproses oleh loji republik itu pada harga 50 sen bagi setiap 4,540 liter.

Malaysia ketika ini membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli semula 35 juta liter air yang sudah diproses sehari dari empat loji milik Singapura di Johor.

Bekalan itu berdasarkan Perjanjian Air Sungai Johor 1961 dan 1962. Perjanjian pada 1961 akan tamat pada 2011 manakala perjanjian kedua pada 2061.

Perdana Menteri berkata, perjanjian itu dibuat sudah lama oleh kerajaan British dan sebab itu lebih memihak kepada Singapura.

"Mereka (Singapura) tidak membayar apa-apa. Mereka membeli air mentah dan kemudiannya menjual kepada Malaysia dengan harga lebih tinggi. Kita tidak mengadu," katanya.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia adalah negara merdeka dan republik itu tidak boleh berharap negara ini akan terus menjual air pada kadar tiga sen saja.

"Selepas tempoh itu tamat, kita akan terus membekalkan air kepada Singapura tetapi air yang sudah diproses," katanya.

(END)

